

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1990/91

Oktober/November 1990

AMU 302 - Pengiklanan

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab TIGA soalan. Soalan 1 adalah WAJIB dan pilih DUA soalan lain.

SOALAN WAJIB

1. Agensi anda, MAMI CHOM BEE SDN. BHD. telah dilantik sebagai agensi untuk UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) yang baru diswastakan di bawah konsep pengswastaan agensi-agensi kerajaan. Universiti-universiti yang lain tidak diswastakan dan hanya USM dicuba sebagai kes percubaan.

Universiti Sains Malaysia telahpun mengambil keputusan untuk membentuk sesuatu imej korporat yang baru dalam pasaran yang dianggotai oleh kolej-kolej swasta seperti Kolej Damansara, Kolej Mahkota, Kolej Sunway, Kolej Taylor dan sebagainya.

Anda dan pasukan kreatif sedang memikirkan bagaimana untuk memulakan kempen keseluruhan untuk USM. Anda tahu bahawa penganalisaan situasi dan pengenalpastian 'appeal' yang sesuai perlu ditentukan sebelum memulakan kempen keseluruhan.

Bentangkan keseluruhan kempen anda untuk UNIVERSITI SAINS MALAYSIA berdasarkan 'appeal' yang sesuai.

[50 markah]

...2/-

Pilih dan Jawab 2 soalan sahaja

2. Pengurus Besar bahagian Perkhidmatan BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD (BBMB) mendapati bahawa pelanggan-pelanggan yang mempunyai kad ATM masih kurang menggunakan mesin ATM dalam menyimpan dan mengeluarkan wang tunai. Ini telah menyebabkan pelanggan-pelanggan masih beratur dalam ruangan-ruangan bank diseluruh negara walaupun mereka memegang kad ATM.

Anda telah dipertugaskan untuk menukar sikap ini supaya menggalakkan lebih penggunaan mesin ATM untuk segala transaksi kewangan. Tetapi Pengurus Besar memberi belanjawan yang terhad sekali sehingga penggunaan media TV, radio dan majalah tidak dapat anda gunakan.

Bentangkan tindakan kreatif yang berkesan untuk menukar sikap pelanggan BBMB terhadap penggunaan mesin ATM.

[25 markah]

3. Kajian menunjukkan bahawa lelaki dalam lingkungan umur 40 tahun ke atas menghadapi masalah keguguran rambut dan setengah menjadi hampir botak.

Anda baru sahaja dilantik oleh syarikat Botak Chin Sdn.Bhd. sebagai Pengurus Produk untuk produk barunya, SYAMPU AJAIB. Produk baru ini dapat mengurangkan keguguran rambut serta merangsangkan pertumbuhan rambut. SYAMPU AJAIB akan diperkenalkan kepada pasaran dalam masa 6 bulan lagi.

Apakah jenis strategi promosi jualan yang baik sekali untuk produk ini?

[25 markah]

...2/-

4. Baru-baru ini Keretapi Tanah Melayu (KTM) telah memperkenalkan perkhidmatan baru untuk pelancong-pelancong tempatan yang suka mengembara.

Pelancong-pelancong akan dibawa mengembara ke tempat-tempat yang belum disentuh oleh kemajuan manusia. Pakej tour ini diilhamkan oleh KTM dan MANJA-MANJA Travel & Tours bermula dengan perjalanan keretapi dan selepas itu berjalan melalui jalan, sungai sehingga ke Taman Rimba Gunong Jerai (Gurun, Kedah), 100 kilometre persegi hutan rimba yang belum dijelajah berjuta-juta tahun.

Pelancong-pelancong akan berpeluang memasuki gua-gua yang penuh dengan kelawar, memancing ikan, berenang dan berkhemah diatas Gunong Jerai. Dan selepas empat malam, pelancong-pelancong dibawa balik sepetimana mereka datang.

Bagaimakah dapat anda mempromosikan pakej tour ini jika hanya menggunakan pengiklanan luar iaitu dengan menggunakan papan-papan tanda dan media-media luar yang lain.

[25 markah]

----oooo000oooo---